

D.R. 22/2024

RANG UNDANG-UNDANG AGENSI KAWALAN DAN
PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA 2024

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENUBUHAN AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN
MALAYSIA DAN PELANTIKAN PEGAWAI

3. Penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia
4. Pelantikan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah
5. Pelantikan pegawai Agensi yang lain

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA AGENSI

6. Fungsi Agensi
7. Kuasa Agensi
8. Pertindihan fungsi
9. Kesalahan di bawah undang-undang bertulis Negeri Sabah dan Sarawak
10. Penjalanan kuasa di luar kawasan yang ditetapkan
11. Kuasa tambahan
12. Bantuan dan penyelarasan

BAHAGIAN IV

AM

Fasal

13. Pendakwaan
14. Perbelanjaan
15. Wang yang dikutip atau diterima
16. Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang
17. Obligasi kerahsiaan
18. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
19. Kad kuasa
20. Pakaian seragam
21. Membawa senjata
22. Galangan terhadap pegawai Agensi
23. Perintah Tetap
24. Kuasa untuk meminda Jadual

BAHAGIAN V

KECUALIAN

25. Peruntukan kecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia, dan fungsi dan kuasanya yang berhubungan dengan kawalan dan perlindungan sempadan, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan—

(a) bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini;

(b) bagi permulaan kuat kuasa Akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia; atau

- (c) bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Agensi” ertinya Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“barang-barang” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];

“kawasan yang ditetapkan” ertinya mana-mana kawasan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama yang merangkumi—

- (a) mana-mana pos kawalan imigresen, tempat mendarat yang dibenarkan, lapangan terbang yang dibenarkan atau pintu masuk yang dibenarkan, yang ditetapkan di bawah Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*];
- (b) mana-mana tempat mendarat yang sah di sisi undang-undang, pelabuhan kastam, lapangan terbang kastam atau tempat import dan eksport melalui jalan atau kereta api, yang ditetapkan di bawah Akta Kastam 1967;
- (c) mana-mana pintu masuk, stesen kuarantin atau premis kuarantin, yang dinyatakan atau diisytiharkan di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [*Akta 728*];
- (d) mana-mana zon bebas yang diisytiharkan di bawah Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*]; atau
- (e) mana-mana stesen kuarantin yang diisytiharkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*];

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia yang dilantik di bawah subseksyen 4(1);

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal dalam negeri;

“pegawai Agensi” ertinya pegawai Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia yang dilantik di bawah subseksyen 5(1), dan termasuklah Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah Agensi;

“pihak berkuasa berwibawa” termasuklah mana-mana kementerian, jabatan, pejabat, agensi, pihak berkuasa, suruhanjaya, jawatankuasa, lembaga, majlis atau badan lain, bagi Kerajaan Persekutuan atau bagi mana-mana Kerajaan Negeri yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau selainnya, yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang bertulis yang berkaitan;

“undang-undang bertulis yang berkaitan” ertinya undang-undang bertulis persekutuan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan termasuklah mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah undang-undang bertulis itu.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA DAN PELANTIKAN PEGAWAI

Penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia

3. (1) Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia ditubuhkan.

(2) Agensi hendaklah, tertakluk pada Akta ini, digunakan khidmatnya di kawasan yang ditetapkan untuk menjalankan fungsi dan kuasa yang berhubungan dengan kawalan dan perlindungan sempadan mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan.

Pelantikan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah

4. (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik seorang Ketua Pengarah, yang hendaklah mengetuai Agensi, dan apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pengarah, dalam kalangan anggota perkhidmatan awam.

(2) Pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah bagi selama tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikan.

(3) Tempoh pelantikan Ketua Pengarah tidak boleh melewati tarikh persaraan wajibnya daripada perkhidmatan awam, tetapi apabila dia mencapai umur persaraan wajib itu dia boleh dilantik semula sebagai Ketua Pengarah oleh Yang di-Pertuan Agong secara kontrak selama apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikan.

(4) Ketua Pengarah hendaklah bertanggungjawab bagi arahan, perintah, kawalan dan pengawasan segala perkara yang berhubungan dengan Agensi.

(5) Jika Ketua Pengarah, atas apa-apa sebab, tidak dapat menjalankan kewajipannya bagi apa-apa tempoh atau jika jawatan Ketua Pengarah menjadi kosong, Timbalan Ketua Pengarah yang paling kanan boleh menjalankan segala kuasa dan melaksanakan segala kewajipan Ketua Pengarah.

Pelantikan pegawai Agensi yang lain

5. (1) Menteri hendaklah melantik apa-apa bilangan pegawai Agensi yang perlu, dalam kalangan anggota perkhidmatan awam, bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai kuasa yang diperuntukkan baginya di bawah Akta ini dan hendaklah tertakluk pada arahan, perintah, kawalan dan pengawasan Ketua Pengarah.

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA AGENSI

Fungsi Agensi

6. (1) Fungsi Agensi adalah—

(a) untuk menguatkuasakan di kawasan yang ditetapkan undang-undang bertulis yang berkaitan yang berhubungan dengan—

(i) pemeriksaan dan kawalan orang yang memasuki atau meninggalkan Malaysia;

- (ii) pemeriksaan dan kawalan barang-barang yang dibawa ke dalam atau keluar dari kawasan yang ditetapkan;
 - (iii) pemeriksaan, kawalan dan kuarantin apa-apa tumbuh-tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma yang dibawa ke dalam atau keluar dari Malaysia;
 - (iv) pemeriksaan dan kawalan apa-apa kenderaan yang dibawa ke dalam atau keluar dari Malaysia;
 - (v) pemeriksaan dan kawalan makanan dan benda yang bersampingan dengan makanan, dadah, racun, kosmetik dan benda lain yang berkaitan dengan kesihatan yang dibawa ke dalam atau keluar dari Malaysia;
 - (vi) pemeriksaan dan kawalan hidupan liar, bahagian hidupan liar atau terbitan hidupan liar yang dibawa ke dalam atau keluar dari Malaysia;
 - (vii) pencegahan dan penyiasatan mana-mana kesalahan; dan
 - (viii) pengeluaran apa-apa pas, permit atau apa-apa dokumen lain bagi maksud mengawal pergerakan orang, barang-barang, kenderaan, tumbuh-tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, makanan dan benda lain yang bersampingan dengan makanan, dadah, racun, kosmetik, hidupan liar, bahagian hidupan liar atau terbitan hidupan liar atau benda lain;
- (b) untuk melaksanakan pengawasan dan rondaan di kawasan yang ditetapkan;
- (c) untuk mengumpul maklumat dan risikan bagi maksud kawalan dan perlindungan sempadan; dan
- (d) untuk mengurus dan mentadbir mana-mana kompleks pintu masuk.

(2) Agensi hendaklah melaksanakan fungsi di bawah subseksyen (1) mengikut arahan dan kehendak yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwajib di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan.

(3) Dalam menjalankan fungsi di bawah subperenggan (1)(a)(i) bagi Negeri Sabah dan Sarawak, Agensi hendaklah mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada Pengarah Imigresen Sabah atau Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan, menurut Bahagian VII Akta Imigresen 1959/63.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “Pihak Berkuasa Negeri” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 62 Akta Imigresen 1959/63.

Kuasa Agensi

7. (1) Pegawai Agensi hendaklah mempunyai, bagi maksud Akta ini, segala kuasa yang pihak berkuasa berwajib boleh jalankan di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan dan boleh melakukan segala perkara yang semunasabahnya perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsi Agensi di bawah seksyen 6.

(2) Pegawai Agensi hendaklah mempunyai kuasa seorang pegawai polis yang apa jua pun pangkatnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] berhubung dengan penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan, dan kuasa itu hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan bukan pengurangannya.

Pertindihan fungsi

8. Jika terdapat apa-apa pertindihan fungsi di kawasan yang ditetapkan antara Agensi dengan mana-mana pihak berkuasa berwajib, pertindihan fungsi itu hendaklah diuruskan dan diselesaikan secara pentadbiran.

Kesalahan di bawah undang-undang bertulis Negeri Sabah dan Sarawak

9. Jika suatu kesalahan telah dilakukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis Negeri Sabah atau Sarawak di mana-mana kawasan yang ditetapkan, penguatkuasaan, penyiasatan dan pendakwaan kesalahan itu hendaklah dilaksanakan oleh pihak berkuasa berwajib Negeri Sabah atau Sarawak.

Penjalanan kuasa di luar kawasan yang ditetapkan

10. Dalam menjalankan kuasa untuk mencegah atau menyiasat pelakuan suatu kesalahan di dalam suatu kawasan yang ditetapkan, pegawai Agensi boleh menjalankan kuasa itu di luar kawasan yang ditetapkan jika dia dengan munasabahnyanya percaya bahawa tindakan itu adalah perlu untuk mencegah pelakuan kesalahan itu atau untuk melengkapkan penyiasatan kesalahan itu.

Kuasa tambahan

11. (1) Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan kuasa sedia ada Agensi di bawah Akta ini, apabila mengiring dan menjaga mana-mana orang dalam jagaan Agensi, seorang pegawai Agensi hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang berpangkat Koperal dan lebih rendah dan kuasa seorang pegawai penjara yang berpangkat Sarjan dan lebih rendah di bawah Akta Penjara 1995 [*Akta 537*].

(2) Bagi maksud Akta ini—

(a) jika suatu perintah, perakuan atau apa-apa perbuatan lain dikehendaki supaya diberikan, dikeluarkan atau dilakukan oleh pegawai penjaga Daerah Polis di bawah mana-mana undang-undang bertulis, perintah, perakuan atau perbuatan itu boleh diberikan, dikeluarkan atau dilakukan oleh pegawai Agensi dan bagi maksud itu, tempat perintah, perakuan atau perbuatan itu diberikan, dikeluarkan atau dilakukan hendaklah disifatkan sebagai Daerah Polis di bawah jagaannya;

- (b) pegawai Agensi hendaklah mempunyai segala kuasa yang diberikan kepada seorang pegawai penjaga balai polis di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan bagi maksud itu pejabat pegawai itu hendaklah disifatkan sebagai suatu balai polis; dan
- (c) pegawai Agensi hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis tidak kira apa jua pun pangkatnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969 [*Akta 7*], dan kuasa itu hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan bukan pengurangannya, tetapi sekiranya terdapat apa-apa ketidakselarasan atau percanggahan antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan Kanun Tatacara Jenayah, peruntukan Akta ini hendaklah dipakai.

Bantuan dan penyelarasan

12. (1) Agensi boleh, dalam menjalankan fungsi dan kuasanya di bawah Akta ini, mengguna khidmat atau menghendaki apa-apa bantuan daripada, mana-mana orang atau pihak berkuasa berwibawa.

(2) Agensi dan pihak berkuasa berwibawa hendaklah membuat penyelarasan, berunding dan berhubung secara rapat antara satu sama lain dan memberikan bantuan kepada satu sama lain bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

BAHAGIAN IV

AM

Pendakwaan

13. Tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Perbelanjaan

14. (1) Apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh mana-mana orang berbangkit daripada syarat yang dikenakan oleh pegawai Agensi dalam menjalankan kuasanya di bawah Akta ini hendaklah ditanggung oleh orang itu sendiri.

(2) Tiada pampasan boleh dibayar kepada mana-mana orang bagi apa-apa kerugian akibat pelupusan oleh pegawai Agensi bagi mana-mana barang-barang yang dilucut hak atau disifatkan telah dilucut hak di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis yang berkaitan.

(3) Kos pemegangan apa-apa barang-barang atau dokumen yang dipegang dalam jagaan pegawai Agensi sementara menunggu apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan selesai hendaklah ditanggung oleh mana-mana orang yang disabitkan dengan kesalahan itu dan hendaklah didapatkan semula sebagai hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

Wang yang dikutip atau diterima

15. Jika wang dikutip atau diterima oleh mana-mana pegawai Agensi bagi pihak pihak berkuasa berwibawa dalam menjalankan fungsi dan kuasa di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan, wang itu hendaklah diuruskan mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan itu, dan arahan atau kehendak pihak berkuasa berwibawa itu.

Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang

16. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

(a) mana-mana pegawai Agensi; dan

(b) mana-mana orang lain bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau berupa dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Ketua Pengarah,

jika perbuatan, kecuaiian atau keingkaran itu telah dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati dan dengan mempercayai semunasabahnya bahawa ia perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai melaluinya dan bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

Obligasi kerahsiaan

17. (1) Kecuali bagi apa-apa maksud Akta ini atau bagi maksud mana-mana prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Ketua Pengarah—

- (a) tiada seorang pun pegawai Agensi sama ada semasa atau selepas tempoh jawatan atau penggajiannya, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang diperolehi olehnya semasa menjalankan kewajipannya; dan
- (b) tiada seorang lain pun yang dengan apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Agensi boleh menzahirkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Nama, alamat, nombor kad pengenalan dan nombor pasport pemberi maklumat dan kandungan maklumat yang diterima daripada pemberi maklumat hendaklah disimpan rahsia dan tidak boleh dizahirkan oleh mana-mana pegawai Agensi atau mana-mana orang yang dalam penjalanan biasa kewajipannya memiliki atau mempunyai kawalan ke atas atau akses kepada maklumat itu kepada mana-mana orang kecuali pegawai Agensi yang ditetapkan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

(3) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

18. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Agensi, mana-mana pegawai Agensi, atau pegawai pihak berkuasa berwibawa berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati, atas sifat sedemikian.

Kad kuasa

19. (1) Kad kuasa hendaklah dikeluarkan kepada setiap pegawai Agensi dan kad itu hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengarah dan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai pelantikan di bawah Akta ini.

(2) Apabila pegawai Agensi menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini, pegawai itu hendaklah, apabila tidak memakai pakaian seragam, apabila diminta, mengisytiharkan jawatannya dan menunjukkan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak, kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

(3) Tidaklah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang enggan mematuhi apa-apa permintaan, tuntutan atau perintah yang dibuat oleh mana-mana pegawai Agensi yang bertindak atau yang berupa sebagai bertindak di bawah Akta ini jika pegawai itu tidak memakai pakaian seragam dan enggan untuk mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan kad kuasanya, apabila diminta berbuat demikian oleh orang itu.

Pakaian seragam

20. (1) Pegawai Agensi hendaklah dibekalkan dengan pakaian seragam dan kelengkapan yang ditentukan oleh Ketua Pengarah melalui Perintah Tetap yang dikeluarkan di bawah seksyen 23.

(2) Tiap-tiap pegawai Agensi hendaklah memakai pakaian seragam dan kelengkapan yang ditentukan oleh Ketua Pengarah semasa bertugas melainkan jika dikecualikan secara bertulis oleh Ketua Pengarah.

(3) Apabila seseorang terhenti menjadi pegawai Agensi, dia hendaklah, dalam masa empat belas hari, menyerahkan kepada orang yang dilantik oleh Ketua Pengarah bagi maksud itu pakaian seragam dan kelengkapannya yang telah dibekalkan kepadanya.

(4) Mana-mana orang yang, setelah terhenti menjadi pegawai Agensi, tanpa sebab yang munasabah, tidak mematuhi subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya, dan, sebagai tambahan, bolehlah dipertanggungjawabkan untuk membayar nilai pakaian seragam dan kelengkapannya yang tidak diserahkan dan boleh didapatkan semula seolah-olah suatu denda.

Membawa senjata

21. Tertakluk pada apa-apa sekatan dan kehendak di bawah Akta Senjata 1960 [*Akta 206*], pegawai Agensi boleh, dalam menjalankan kewajipannya di bawah Akta ini, membawa senjata.

Galangan terhadap pegawai Agensi

22. Mana-mana orang yang—

- (a) mengamang, menggalang, menghalang, mengganggu, atau mengancam mana-mana pegawai Agensi atau pekhidmat awam lain atau mana-mana orang yang bertindak untuk membantunya atau memberinya bantuan atau dilantik sewajarnya dalam melaksanakan kuasanya di bawah Akta ini;
- (b) mengambil balik atau berusaha untuk mengambil balik, atau menyebabkan diambil balik, apa-apa barang-barang yang telah disita dengan sewajarnya atau mana-mana orang yang telah ditahan;
- (c) tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang dilekatkan pada apa-apa barang-barang atau bekas, bungkusan atau pengangkut yang disita oleh pegawai Agensi atau memindahkan apa-apa barang-barang dan bekas muatan, bungkusan atau pengangkut dengan lak atau cuba berbuat demikian;

- (d) sebelum atau selepas apa-apa sitaan, memecahkan atau sebaliknya memusnahkan apa-apa bungkusan atau barang-barang untuk mengelakkan sitaan atau diduplikatnya; atau
- (e) enggan memberikan apa-apa maklumat atau memberikan maklumat sebagai benar yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk percaya adalah palsu apabila dikehendaki oleh Akta ini untuk memberikan apa-apa maklumat yang semunasabahnya dikehendaki oleh pegawai Agensi,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan kali pertama, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya, dan apabila disabitkan kali yang kedua atau berikutnya, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

Perintah Tetap

23. Ketua Pengarah boleh mengeluarkan perintah pentadbiran yang disebut “Perintah Tetap”, yang selaras dengan peruntukan Akta ini, mengenai kawalan am, latihan, tugas dan tanggungjawab pegawai Agensi dan bagi apa-apa perkara lain yang perlu atau suai manfaat untuk pentadbiran baik Agensi atau bagi mencegah penyalahgunaan kuasa atau pengabaian tugas, dan pada amnya untuk memastikan Agensi berfungsi dengan cekap dan berkesan.

Kuasa untuk meminda Jadual

24. Menteri boleh, selepas berunding dengan Menteri yang bertanggungjawab bagi sesuatu undang-undang bertulis yang berkaitan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Pertama dan Jadual Kedua.

BAHAGIAN V

KECUALIAN

Peruntukan kecualian

25. (1) Mana-mana pas, permit atau dokumen lain yang dikeluarkan di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan sebelum Akta ini mula berkuat kuasa dan berkuat kuasa sebelum Akta ini mula berkuat kuasa hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan sehingga pas, permit atau dokumen lain itu habis tempoh, atau ditarik balik atau dibatalkan.

(2) Apa-apa permohonan bagi apa-apa pas, permit atau dokumen lain yang belum selesai yang dibuat di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan sebelum Akta ini mula berkuat kuasa hendaklah tidak terkesan oleh Akta ini dan hendaklah diuruskan seolah-olah Akta ini tidak dibuat.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 2]

KAWASAN YANG DITETAPKAN

BAHAGIAN I

POS KAWALAN IMIGRESEN, TEMPAT MENDARAT YANG
DIBENARKAN, LAPANGAN TERBANG YANG DIBENARKAN
ATAU PINTU MASUK YANG DIBENARKAN

A. KEMASUKAN MELALUI DARAT

No.	Pos Kawalan Imigresen	Jalan yang diluluskan
1.	Kedah	
	D06 Bukit Kayu Hitam, Changloon	Masuk dari Thailand melalui Changloon Sadao (Thailand)/Jalan Changloon dan berada di jalan ini hingga tiba di Pos Kawalan Imigresen, Bukit Kayu Hitam

No.	Pos Kawalan Imigresen	Jalan yang diluluskan
2.	Johor	
	D11 Tambak Johor, Johor Bahru	Dari Singapura ikut darat melalui Tambak Johor
	D12 Stesen Keretapi Johor Bahru	Dari Singapura dengan kereta api melalui landasan kereta api Johor Bahru
	D12 A Pos Kawalan Imigresen Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang	Melalui jalan dari Tuas, Singapura dan berada di jalan ini hingga tiba di Pos Kawalan Imigresen
3	Kelantan	
	D08 Rantau Panjang	Melalui jambatan jalan raya yang menyeberangi Sungai Golok di Rantau Panjang
	D09 Rantau Panjang (Stesen Keretapi)	Dengan kereta api dari Thailand ke Stesen Keretapi Rantau Panjang

B. KEMASUKAN MELALUI LAUT

No.	Pintu masuk	Tempat mendarat yang dibenarkan
1.	Pulau Pinang	
	L06 Pulau Pinang	Dalam kawasan pelabuhan
	L07 Dermaga Butterworth	Dalam kawasan pelabuhan
2.	Selangor	
	L08 Pelabuhan Kelang	Dalam kawasan pelabuhan
3.	Johor	
	L18 Dermaga Pasir Gudang	Dalam kawasan pelabuhan
	L18A Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor	Tempat mendarat yang dibenarkan di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor
4.	Pahang	
	L14 Kuantan	Dalam kawasan pelabuhan

No.	Pintu masuk	Tempat mendarat yang dibenarkan
5.	Terengganu	
	L13 Pelabuhan Kemaman	Dalam kawasan pelabuhan
6.	Sarawak	
	L26 Dermaga Ban Hock, Kuching, Bahagian Pertama	Dalam kawasan pelabuhan
	L28 Dermaga Pending, Kuching, Bahagian Pertama	Dalam kawasan pelabuhan
	L29 Dermaga Lembaga Pelabuhan Kuching, Tanah Puteh, Bahagian Pertama	Dalam kawasan pelabuhan
	L30 Dermaga Datuk Sim Kheng Hong, Pending, Bahagian Pertama	Dalam kawasan pelabuhan
	L37 Dermaga Kastam, Bintulu, Bahagian Keempat	Dalam kawasan pelabuhan
	L38 Dermaga Bintulu, Tanjung Kidurong, Bintulu, Bahagian Keempat	Dalam kawasan pelabuhan
7.	Sabah	
	L46 Dermaga Tawau	Dalam kawasan pelabuhan
	L51 Dermaga Kota Kinabalu	Dalam kawasan pelabuhan

C. KEMASUKAN MELALUI UDARA

No.	Lapangan terbang yang dibenarkan
1.	U05 Lapangan Terbang Pulau Pinang, Bayan Lepas, Pulau Pinang
2.	U17 Lapangan Terbang Kuching, Bahagian Pertama, Sarawak
3.	U20 Lapangan Terbang Sibul, Bahagian Ketiga, Sarawak
4.	U29 Lapangan Terbang Kota Kinabalu, Sabah

No.	Lapangan terbang yang dibenarkan
5.	U30 Lapangan Terbang Sandakan, Sabah
6.	U31 Lapangan Terbang Tawau, Sabah
7.	U12A Lapangan Terbang Antarabangsa KL, Sepang

BAHAGIAN II

PELABUHAN KASTAM DAN TEMPAT MENDARAT YANG SAH DI SISI UNDANG-UNDANG

No.	Pelabuhan Kastam	Tempat mendarat yang sah di sisi undang-undang						
1.	Pelabuhan Klang	(a) Dermaga-dermaga dan jeti-jeti Lembaga Pelabuhan Klang tebing timur Selat Kelang antara Sungai Tiga dengan Sungai Puloh; (b) Bahagian pantai pasang surut mulai dari satu tempat 93.41 meter ke sebelah utara jeti penumpang Jalan Foreshore hingga ke Kuala Sungai Aur dan dari situ sepanjang tebing Sungai Aur hingga dan termasuk jeti konkrit di stesen kuarantin lembu dan termasuk jeti-jeti, dermaga-dermaga dan pontun-pontun mulai dari pantai pasang surut dan tebing sungai tersebut; (c) Jeti-jeti dan dermaga-dermaga Shell Malaysia Ltd. di tebing kiri Sungai Kelang; (d) Jeti Stesen Jana Elektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Batu 12, Kapar; (e) Semua dermaga dan jeti Lembaga Pelabuhan Klang di tebing barat Pulau Indah di antara Sungai Chandong Besar di utara sebelah barat sempadan pelabuhan di garis lintang 02° 55' 48" U garis bujur 101° 20' 24.5" T dan Sungai Lurus di selatan sebelah barat sempadan pelabuhan di garis lintang 02° 54' 05" U garis bujur 101° 17' 10" T; (f) Jeti milik Star Cruise Sdn. Bhd. yang menganjur 247.31 meter ke laut di tebing barat Pulau Indah di utara Sungai Chondong Besar yang terletak di— <table><tr><td>Garis lintang</td><td>Garis bujur</td></tr><tr><td>02° 59' 05.415"U</td><td>101° 20' 15.723"T</td></tr><tr><td>02° 59' 06.003"U</td><td>101° 20' 16.921"T;</td></tr></table>	Garis lintang	Garis bujur	02° 59' 05.415"U	101° 20' 15.723"T	02° 59' 06.003"U	101° 20' 16.921"T;
Garis lintang	Garis bujur							
02° 59' 05.415"U	101° 20' 15.723"T							
02° 59' 06.003"U	101° 20' 16.921"T;							

No.	Pelabuhan Kastam	Tempat mendarat yang sah di sisi undang-undang																																												
		(g) Jeti-jeti ASA Niaga Sdn. Bhd. di Pelabuhan Klang yang terletak di tebing kiri Sungai Klang di antara— <table><tr><td>Garis lintang</td><td>Garis bujur</td></tr><tr><td>03°00'31.9294"U</td><td>101°23'28.4299"T</td></tr><tr><td>hingga</td><td>hingga</td></tr><tr><td>03° 00' 26.1835"U</td><td>101° 23' 26.4980"T;</td></tr></table> (h) Jeti ASA Niaga Harbour City Sdn. Bhd., Jalan Foreshore, Pelabuhan Klang, Selangor yang terletak di— <table><tr><td>Garis lintang</td><td>Garis bujur</td></tr><tr><td>101° 23' 22.1"U</td><td>2° 59' 58.8"T</td></tr><tr><td>101° 23' 22.8"U</td><td>2° 59' 56.3"T</td></tr><tr><td>101° 23' 22.3"U</td><td>2° 59' 56.2"T</td></tr><tr><td>101° 23' 22.1"U</td><td>2° 59' 56.9"T</td></tr><tr><td>101° 23' 21.6"U</td><td>2° 59' 56.7"T</td></tr><tr><td>101° 23' 21.5"U</td><td>2° 59' 56.9"T</td></tr><tr><td>101° 23' 22.0"U</td><td>2° 59' 55.8"T</td></tr><tr><td>101° 23' 21.8"U</td><td>2° 59' 57.7"T</td></tr><tr><td>101° 23' 21.3"U</td><td>2° 59' 57.6"T</td></tr><tr><td>101° 23' 21.2"U</td><td>2° 59' 57.7"T</td></tr><tr><td>101° 23' 21.8"U</td><td>2° 59' 57.9"T</td></tr><tr><td>101° 23' 21.5"U</td><td>2° 59' 58.6"T</td></tr><tr><td>101° 23' 31.8"U</td><td>2° 00' 10.3"T</td></tr><tr><td>101° 23' 35.4"U</td><td>2° 59' 55.4"T</td></tr><tr><td>101° 23' 31.8"U</td><td>2° 59' 53.3"T</td></tr><tr><td>101° 23' 21.6"U</td><td>2° 59' 56.1"T</td></tr><tr><td>101° 23' 20.9"U</td><td>2° 59' 58.3"T.</td></tr></table>	Garis lintang	Garis bujur	03°00'31.9294"U	101°23'28.4299"T	hingga	hingga	03° 00' 26.1835"U	101° 23' 26.4980"T;	Garis lintang	Garis bujur	101° 23' 22.1"U	2° 59' 58.8"T	101° 23' 22.8"U	2° 59' 56.3"T	101° 23' 22.3"U	2° 59' 56.2"T	101° 23' 22.1"U	2° 59' 56.9"T	101° 23' 21.6"U	2° 59' 56.7"T	101° 23' 21.5"U	2° 59' 56.9"T	101° 23' 22.0"U	2° 59' 55.8"T	101° 23' 21.8"U	2° 59' 57.7"T	101° 23' 21.3"U	2° 59' 57.6"T	101° 23' 21.2"U	2° 59' 57.7"T	101° 23' 21.8"U	2° 59' 57.9"T	101° 23' 21.5"U	2° 59' 58.6"T	101° 23' 31.8"U	2° 00' 10.3"T	101° 23' 35.4"U	2° 59' 55.4"T	101° 23' 31.8"U	2° 59' 53.3"T	101° 23' 21.6"U	2° 59' 56.1"T	101° 23' 20.9"U	2° 59' 58.3"T.
Garis lintang	Garis bujur																																													
03°00'31.9294"U	101°23'28.4299"T																																													
hingga	hingga																																													
03° 00' 26.1835"U	101° 23' 26.4980"T;																																													
Garis lintang	Garis bujur																																													
101° 23' 22.1"U	2° 59' 58.8"T																																													
101° 23' 22.8"U	2° 59' 56.3"T																																													
101° 23' 22.3"U	2° 59' 56.2"T																																													
101° 23' 22.1"U	2° 59' 56.9"T																																													
101° 23' 21.6"U	2° 59' 56.7"T																																													
101° 23' 21.5"U	2° 59' 56.9"T																																													
101° 23' 22.0"U	2° 59' 55.8"T																																													
101° 23' 21.8"U	2° 59' 57.7"T																																													
101° 23' 21.3"U	2° 59' 57.6"T																																													
101° 23' 21.2"U	2° 59' 57.7"T																																													
101° 23' 21.8"U	2° 59' 57.9"T																																													
101° 23' 21.5"U	2° 59' 58.6"T																																													
101° 23' 31.8"U	2° 00' 10.3"T																																													
101° 23' 35.4"U	2° 59' 55.4"T																																													
101° 23' 31.8"U	2° 59' 53.3"T																																													
101° 23' 21.6"U	2° 59' 56.1"T																																													
101° 23' 20.9"U	2° 59' 58.3"T.																																													
2.	Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor Bahru	Bahagian kiri tebing sepanjang Sungai Pulai— Garis lintang: 01° 22' 27.885" U, Garis bujur: 103° 32' 37. 0024" T; hingga Garis lintang: 01° 21' 20.4208" U, Garis bujur: 103° 32' 56.7317" T																																												
3.	Pasir Gudang, Johor Bahru	(a) Bahagian persisiran pantai yang berpagar termasuk muara Sungai Buluh, semua jeti dan semua dermaga Lembaga Pelabuhan Johor, terletak antara tebing barat Sungai Perembi yang terletak di garis lintang 01°26'28' U, garis bujur 103°53'16'T, seterusnya kepada satu garisan yang bercantum kepada <i>dolphin</i> yang terletak di DCJ 4 di garis bujur 01°26'27'U, garis bujur 103° 53'06' T, dan bercantum dengan garisan Perairan Pelabuhan Johor di garis bujur 01° 26'14' U, garis bujur 103° 53' 06' T;																																												

No.	Pelabuhan Kastam	Tempat mendarat yang sah di sisi undang-undang
		(b) Pada sebelah timur, kawasan di sepanjang dermaga No. 11 terletak di garis lintang 01°26'03.5" U, garis bujur 103° 55 '23" T di bahagian utara, dan di selatan sebahagian daripada dermaga No. 11 yang terletak di garis lintang 01°25 '52" U, garis bujur 103° 55' 20' T, bersebelahan dengan tebing barat Sungai Lato yang terletak di garis lintang 01° 26 '12' U, garis lintang 103 ° 55 '29" T
4.	Kuantan	(a) Dermaga Kerajaan; (b) Dermaga Pahang Consolidated Co. Ltd. Petroleum; (c) Dermaga-dermaga Shell Malaysia Ltd. dan Esso Malaysia Ltd.
5.	Kuantan, Tanjung Gelang	(a) Dermaga-dermaga Lembaga Pelabuhan Kuantan di dalam Basin Pertama (Basin A); (b) Keseluruhan jeti dolphin yang terletak di bahagian selatan Basin Pertama (Basin A); (c) Keseluruhan jeti dolphin yang terletak di bahagian utara Basin Pertama (Basin A).
6.	Butterworth	(a) Jeti Straits Trading Co. Ltd.; (b) Pier yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang; (c) Enam tempat berlabuh di Dermaga Butterworth; (d) Pengkalan kontena Butterworth utara (NBCT) yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang; (e) Jeti-jeti Shell Malaysia Ltd. dan Petron Malaysia Penapisan & Pemasaran Berhad di Bagan Luar; (f) Pier Dolphin yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

No.	Pelabuhan Kastam	Tempat mendarat yang sah di sisi undang-undang																																							
7.	Bintulu	(a) Dermaga Pihak Berkuasa Pelabuhan Bintulu di Tanjung Kedurong yang terletak di— <table> <tr> <th>Dermaga</th><th>Garis lintang</th><th>Garis bujur</th></tr> <tr> <td>1</td><td>3°15'53.3785" U 3°15'53.3855" U</td><td>113°3'57.5312" T 113 ° 3' 52. 0233" T</td></tr> <tr> <td>2</td><td>3°15'53.3714" U 3°15'53.3785" U</td><td>111° 4' 3. 0390" T 113° 3' 57. 5312" T</td></tr> <tr> <td>3</td><td>3°15'53.3641" U 3°15'53.3714" U</td><td>113° 4' 8. 6927" T 113° 4' 3. 0390" T</td></tr> <tr> <td>4</td><td>3°15'53.3545" U 3°15'53.3641" U</td><td>113°4'16.1283" T 113 ° 4' 8. 6927" T</td></tr> <tr> <td>5</td><td>3°15'53.3449" U 3°15'53.3545" U</td><td>113 ° 4' 23. 5647" T 113 ° 4' 16. 1283" T</td></tr> <tr> <td>Ro-Ro Ramp</td><td>3°15'52.7343" U 3°15'52.7354" U</td><td>113 ° 3' 52. 0225" T 113 ° 3' 51. 1963" T</td></tr> <tr> <td>Bulk Cargo</td><td>3°15'52.7354" U 3°15'43.9436" U</td><td>113°3'51.1963" T 113°3'16.1851" T;</td></tr> </table> (b) Jeti LNG yang terletak di— <table> <tr> <th>MD/BD</th><th>Garis lintang</th><th>Garis bujur</th></tr> <tr> <td>M.D. 1</td><td>3° 15' 49.689" U</td><td>113° 3' 14.095" T</td></tr> <tr> <td>B.D. 1</td><td>3°15' 51.215" U</td><td>113° 3' 17.920" T</td></tr> <tr> <td>B.D. 5</td><td>3° 15' 53.653" U</td><td>113° 3' 20.807" T</td></tr> <tr> <td>M.D. 7</td><td>3° 15' 56.256" U</td><td>113° 3' 22.560" T;</td></tr> </table> (c) LPG jeti yang terletak di garis lintang 3 ° 15 '57.5" U dan garis bujur 113 ° 2'57.4" T.	Dermaga	Garis lintang	Garis bujur	1	3°15'53.3785" U 3°15'53.3855" U	113°3'57.5312" T 113 ° 3' 52. 0233" T	2	3°15'53.3714" U 3°15'53.3785" U	111° 4' 3. 0390" T 113° 3' 57. 5312" T	3	3°15'53.3641" U 3°15'53.3714" U	113° 4' 8. 6927" T 113° 4' 3. 0390" T	4	3°15'53.3545" U 3°15'53.3641" U	113°4'16.1283" T 113 ° 4' 8. 6927" T	5	3°15'53.3449" U 3°15'53.3545" U	113 ° 4' 23. 5647" T 113 ° 4' 16. 1283" T	Ro-Ro Ramp	3°15'52.7343" U 3°15'52.7354" U	113 ° 3' 52. 0225" T 113 ° 3' 51. 1963" T	Bulk Cargo	3°15'52.7354" U 3°15'43.9436" U	113°3'51.1963" T 113°3'16.1851" T;	MD/BD	Garis lintang	Garis bujur	M.D. 1	3° 15' 49.689" U	113° 3' 14.095" T	B.D. 1	3°15' 51.215" U	113° 3' 17.920" T	B.D. 5	3° 15' 53.653" U	113° 3' 20.807" T	M.D. 7	3° 15' 56.256" U	113° 3' 22.560" T;
Dermaga	Garis lintang	Garis bujur																																							
1	3°15'53.3785" U 3°15'53.3855" U	113°3'57.5312" T 113 ° 3' 52. 0233" T																																							
2	3°15'53.3714" U 3°15'53.3785" U	111° 4' 3. 0390" T 113° 3' 57. 5312" T																																							
3	3°15'53.3641" U 3°15'53.3714" U	113° 4' 8. 6927" T 113° 4' 3. 0390" T																																							
4	3°15'53.3545" U 3°15'53.3641" U	113°4'16.1283" T 113 ° 4' 8. 6927" T																																							
5	3°15'53.3449" U 3°15'53.3545" U	113 ° 4' 23. 5647" T 113 ° 4' 16. 1283" T																																							
Ro-Ro Ramp	3°15'52.7343" U 3°15'52.7354" U	113 ° 3' 52. 0225" T 113 ° 3' 51. 1963" T																																							
Bulk Cargo	3°15'52.7354" U 3°15'43.9436" U	113°3'51.1963" T 113°3'16.1851" T;																																							
MD/BD	Garis lintang	Garis bujur																																							
M.D. 1	3° 15' 49.689" U	113° 3' 14.095" T																																							
B.D. 1	3°15' 51.215" U	113° 3' 17.920" T																																							
B.D. 5	3° 15' 53.653" U	113° 3' 20.807" T																																							
M.D. 7	3° 15' 56.256" U	113° 3' 22.560" T;																																							
8.	Pelabuhan Kemaman	(a) Dermaga Lembaga Pelabuhan Kemaman terletak di atas tanah tebus guna di Lot PT 3180; (b) Kawasan yang dikenali sebagai Dermaga West yang terletak di Lot PT 3410, Mukim Teluk Kalong di Daerah Kemaman dikendalikan oleh Sukma Samudra Sdn. Bhd.																																							

No.	Pelabuhan Kastam	Tempat mendarat yang sah di sisi undang-undang
9.	Jeti Dermaga Kimia Cecair (LCB) Pelabuhan Kemaman	Jeti Dermaga Kimia Cecair (LCB) Pelabuhan Kemaman yang terletak di— Garis lintang Garis Bujur 4° 14' 44.183652" U 103° 27' 38.66652" T
10.	Tanjung Berhala Kemaman	Jeti Pengurusan Pangkalan Bekalan Petroleum Tanjung Berhala Sdn. Bhd.
11.	Tanjung Sulong Kemaman	Memuatkan Jeti Terminal Eksport Gas dikendalikan oleh Petroliam Nasional Sdn. Bhd. (PETRONAS) melanjutkan untuk jarak 300 meter ke laut di koordinat— Garis Lintang Garis Bujur 4° 14' 24" U 103° 27' 48" T
12.	Kota Kinabalu	(a) Dermaga Lembaga Pelabuhan Sabah; (b) Jeti luar pesisir Single Buoy Mooring milik Exxon Production Malaysia Incorporation.
13.	Teluk Sapangar	Dermaga dan Jeti Lembaga Pelabuhan Sabah yang terletak di— Garis lintang Garis bujur 06 ° 05 '06 U 116 ° 07 '23 T
14.	Tawau	Dermaga di Lembaga Pelabuhan Sabah
15.	Senari Port, Kuching	Dermaga Lembaga Pelabuhan Kuching di Kampung Senari dengan panjang 635 meter dan lebar 45 meter yang terletak di— Garis Lintang Garis Bujur 01° 37.01' 0" U 110° 26.89' 0" T

BAHAGIAN III

LAPANGAN TERBANG KASTAM

No.	Lokasi
1.	Bayan Lepas, Pulau Pinang
2.	Kuala Lumpur International Airport (KLIA)
3.	Kuala Lumpur International Airport 2 (KLIA 2)
4.	Kota Kinabalu, Sabah
5.	Kuching, Sarawak
6.	Sandakan, Sabah
7.	Tawau, Sabah
8.	Sibu, Sarawak

BAHAGIAN IV

TEMPAT IMPORT DAN EKSPORT MELALUI JALAN RAYA
ATAU KERETA API

No.	Lokasi	Tempat import dan eksport
1.	Bukit Kayu Hitam	(a) Pejabat Kastam dan semua bangunan sampingan dan struktur yang terletak di dalam Bukit Kayu Hitam Imigresen Kompleks yang terletak di sepanjang Sadao/Changlun jalan utama antara 8.9km utara Changlun dan selatan 0.69km daripada Danok (Thailand) Imigresen/Kastam tempat pemeriksaan dalam Mukim Laka Temin, Kubang Pasu, Kedah; (b) Pejabat Kastam dan semua yang bangunan tambahan dan struktur yang terletak di dalam Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kompleks Pemeriksaan yang terletak di sepanjang Sadao/Changlun jalan utama antara 9.1km utara Changlun dan selatan 0.67km daripada Danok (Thailand) Imigresen/Kastam tempat pemeriksaan yang ditetapkan dalam pelan Plot No. PT 890 dan PT 2180 di Mukim Laka Temin, Kubang Pasu, Kedah.

No.	Lokasi	Tempat import dan eksport
2.	Johor Bahru	(a) Pintu Pemeriksaan Penumpang, iaitu kawasan yang diperuntukkan untuk Imigresen dan Kastam bagi pemeriksaan; (b) Laluan import Kastam di Kompleks Kastam di Tanjong Putri dalam pagar perimeter bermula dari selatan oleh pintu masuk yang paling hampir dengan pondok Kastam No. 1 dari arah Singapura dan berakhir di pintu keluar yang paling hampir dengan pondok Kastam No. 3 sebagai sempadan utara; (c) Bayang Eksport Kastam di Kompleks Kastam di Tanjong Putri dalam pagar perimeter bermula dari utara dengan pintu masuk yang paling hampir dengan pondok Kastam No. 3 dan berakhir di pintu keluar yang paling hampir dengan Tanda Keluar Eksport pondok Kastam No. 2 sebagai sempadan utara; (d) Pintu Pemeriksaan Kastam di Stesen Keretapi Johor Bahru; (e) Pejabat Kastam dan semua bangunan dan binaan tambahan yang terletak di Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Bukit Chagar, Mukim Johor Bahru, Daerah Johor Bahru, Johor disertakan dalam pagar perimeter yang akan bermula dari selatan di pintu masuk/ keluar bersama-sama pagar perimeter yang paling hampir dengan Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dari arah Singapura dan berakhir di pintu keluar/ masuk menghadap Lingkaran Dalam Road.
3.	Tanjung Kupang Johor Bahru	Kompleks Sultan Abu Bakar, Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, disertakan dalam pagar perimeter yang akan bermula dari selatan oleh pintu masuk/keluar di sepanjang pagar perimeter yang terdekat dengan Kawasan Import dari arah Singapura dan berakhir di pintu keluar/masuk di sepanjang pagar perimeter hampir dengan Kawasan Holding Eksport
4.	Pasir Gudang - Zon Bebas	(a) Bagi import ke dalam zon Bebas — Kompleks Kastam di Pasir Gudang iaitu kawasan yang diperuntukkan bagi pemeriksaan Pihak Berkuasa Zon Bebas dan Kastam yang merangkumi kawasan kereta api dan jalan masuk ke zon bebas itu; (b) Bagi eksport dari zon bebas — Kompleks Kastam di Pasir Gudang iaitu kawasan yang diperuntukkan bagi pemeriksaan Pihak Berkuasa Zon Bebas dan Kastam yang merangkumi kawasan kereta api dan jalan masuk ke zon bebas itu.

No.	Lokasi	Tempat import dan eksport
5.	Rantau Panjang	(a) Pintu Pemeriksaan Imigresen di Jambatan Kereta Api merentangi Sungai Golok; (b) Landasan kereta api di Rantau Panjang bermula dari hujung Malaysia pada jambatan kereta api di tebing kanan Sungai Golok dan hingga ke selatan kira-kira 155.4 meter ke lintasan rata jalan raya termasuk platform stesen kereta api yang selari dengan landasan; (c) Bahawa kawasan di Lot 251 di Kampung Rantau Panjang, daerah Pasir Mas, Kelantan yang terdiri daripada Kompleks Pintu Pemeriksaan Imigresen dan disempadani pada utara oleh pintu gerbang utara dan pagar di hujung Malaysia jambatan jalan raya yang menghubungkan Rantau Panjang dan Golok di selatan oleh pintu gerbang selatan, ke barat, pagar yang menghubungkan kedua-dua pintu pagar dan ke timur, bangunan kompleks dan membayangkan garis lurus mengunjurkan dari hujung utara kompleks bangunan sehingga ke pintu gerbang utara termasuk laluan yang menghubungkan kawasan Pintu Pemeriksaan pada platform stesen kereta api bersebelahan Pejabat Kastam; (d) Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berat, di Kompleks Lembaga Industri Kayu Malaysia, Gual Nering, Pasir Mas, Kelantan sebagaimana yang ditetapkan bertanda kelabu dalam Pelan No. PW 682, yang terletak di kilometer 20, Lebuhraya Pasir Mas-Rantau Panjang.

BAHAGIAN V

PINTU MASUK DAN ZON BEBAS DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA 2011

No.	Lokasi	Pintu masuk
1.	Pelabuhan Klang	(a) Dermaga dan Jeti Lembaga Pelabuhan Klang di tebing timur Selat Klang di antara Sungai Tiga dan Sungai Puloh; (b) Bahagian pantai pasang surut yang menganjur dari satu tempat 93.41 meter ke sebelah utara jeti penumpang Jalan Foreshore hingga ke kuala Sungai Aur dan dari situ sepanjang tebing Sungai Aur hingga dan termasuk jeti konkrit di stesen kuarantin lembu-kerbau dan termasuk jeti, dermaga dan ponton mulai dari pantai pasang surut dan tebing sungai dan dermaga tersebut;

No.	Lokasi	Pintu masuk
		(c) Dermaga dan Jeti Lembaga Pelabuhan Klang di tebing barat Pulau Indah di antara Sungai Chandong Besar di utara sebelah barat sempadan pelabuhan di Garisan lintang 02° 55' 48" Utara Garisan bujur 101° 20' 24.5" Timur dan Sungai Lurus di selatan sebelah barat sempadan di Garisan lintang 02° 54' 05" Utara Garisan bujur 101° 17' 10" Timur; (d) Star Cruise Sdn. Bhd. yang menganjur 247.31 meter ke laut yang terletak di tebing barat pulau indah di utara Sungai Chandong Besar di Garisan lintang 02° 59' 05.415" Utara 02° 59' 06.003" Utara Garisan bujur 101° 20' 15.723" Timur 101° 20' 16.921" Timur; (e) Jeti Asa Niaga Sdn. Bhd. di Pelabuhan Klang yang terletak di tebing kiri Sungai Klang di antara Garisan lintang 03° 00' 31.9294" Utara hingga 03° 00' 26.1835" Utara Garisan bujur 101° 23' 28.4299" Timur hingga 101° 23' 26.4980" Timur.
2.	Mukim Kapar, Daerah Klang, Selangor (Zon Bebas)	Semua tanah yang terletak dalam Mukim Kapar, dalam Daerah Klang, Selangor yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan Warta 882 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Selangor tidak termasuk kawasan yang dinyatakan seperti yang berikut: (a) tanah yang diduduki oleh Klang Port Management Sdn. Bhd., terdiri daripada Export Stacking Bay (6 blok: TA-TG), Refers Stack (2 blok: RA-RB), Customs Examination Bay (3 blok: 1-3), Godown Q (kawasan seluas 220' X 150'), Godown P (kawasan seluas 600' x 150'), Open Yard P (kawasan seluas 660' x 217'), Transit Shed No. 13 (kawasan seluas 100' x 101'), Transit Shed No. 16 (kawasan seluas 177' x 105'), Transit Shed No. 18 (kawasan seluas 177' X 105') dan Dock Area (kawasan seluas 700' x 105');

No.	Lokasi	Pintu masuk
		(b) tanah yang diduduki oleh Klang Container Terminal yang terdiri daripada Export Stack (Blok B1- Baris B11 hingga B30, Slot 01 hingga 14) (Blok B2-Baris B11 hingga B29, Slot 15-31) (Blok C1-Baris C01 hingga C34 dan C99 Slot 01-14) (Blok C2-Baris 01 hingga C35 slot 15-31) (Blok F-Baris F16 hingga F25 Slot 01-11 Baris F01 hingga F15 Slot 01 hingga 03) (Blok G-Baris 01 hingga G16 Slot 01 hingga 14) (Refer-Baris R01 hingga R52, Baris R59 hingga R87 Kawasan Pemeriksaan Kastam yang dilingkungi dengan garisan merah jambu yang ditunjukkan dalam Pelan Warta 882 di atas) (Baris E01 hingga E42 Slot 01 hingga 06) FS <i>Stacking Area</i> (Baris 01 hingga 06 slot 16 hingga 62) dan Container Freight Station (kawasan seluas 2.973 meter persegi); (c) tanah yang diduduki oleh Port Klang Distribution Park Sdn. Bhd., terdiri daripada Kawasan Menunggu Kastam (kawasan seluas 20,000 kaki persegi).
3.	Pelabuhan Barat, Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang (Zon Bebas)	Semua tanah yang terletak dalam Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan Warta 1174 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Selangor
4.	Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang (Zon Bebas)	Lot 67894 Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor, sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan kelabu dalam Pelan Warta 1388 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor
5.	MILS Logistik Hub (MILS), Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor (Zon Bebas)	Lot 88077 seluas 13.359 hektar Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor, sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan kelabu dalam Pelan Warta 1451 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor
6.	South Point, Pelabuhan Klang, Port Swettenham, Daerah Klang, Selangor (Zon Bebas)	South Point, Pelabuhan Klang, Port Swettenham Daerah Klang, Selangor sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan tebal dalam Pelan Warta 1382 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor

No.	Lokasi	Pintu masuk
7.	Pasir Gudang, Johor Bahru	(a) bahagian kawasan berpagar pantai pasang surut, termasuk muara Sungai Buluh, semua jeti dan dermaga Lembaga Pelabuhan Johor, yang terletak di antara tebing barat Sungai Perembi bertempat di Garisan lintang 01° 26' 28" Utara Garisan bujur 103° 53' 16" Timur, seterusnya kepada satu garisan yang bercantum kepada dolphin yang terbarat dari DCJ 4 bertempat di Garisan lintang 01° 26' 27" Utara Garisan bujur 103° 53' 06" Timur dan akhirnya bercantum dengan garisan kawasan Had Perairan Pelabuhan Johor di Garisan lintang 01° 26' 14" Utara Garisan bujur 103° 53' 06" Timur; (b) di sebelah timur, kawasan sepanjang Dermaga No. 11 yang terletak di Garisan lintang 01° 26' 0.35" Utara Garisan bujur 103° 55' 23" Timur di sebelah bahagian utara, dan di sebelah bahagian selatan Dermaga No. 11 yang terletak di Garisan lintang 01° 25' 52" Utara Garisan bujur 103° 55' 20" Timur, bersebelahan dengan tebing barat Sungai Latoh yang terletak di Garisan lintang 01° 26' 12" Utara Garisan bujur 103° 55' 29" Timur.
8.	Pasir Gudang (Zon Bebas)	(a) bagi import ke dalam Zon-Kompleks Kastam di Pasir Gudang yang diperuntukkan bagi Pemeriksaan Import Pihak Berkuasa Zon dan Kastam termasuk laman kereta api dan jalan menghalia ke dalam Zon; (b) bagi eksport ke dalam Zon-Kompleks Kastam di Pasir Gudang yang diperuntukkan bagi Pemeriksaan Eksport Pihak Berkuasa Zon dan Kastam termasuk laman kereta api dan jalan menghalia keluar dari Zon.
9.	Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor Bahru	Tebing kiri Sungai Pulai bermula dari Garisan lintang 01° 22' 27.885" Utara Garisan bujur 103° 32' 37" Timur hingga Garisan lintang 01° 21' 20.4208" Utara Garisan bujur 103° 32' 56.7317" Timur
10.	Tanjung Pelepas, Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor (Fasa 1) (Zon Bebas)	Lot PTD 2423 Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor, sebagaimana yang ditunjukkan dengan garisan kelabu dalam Pelan Warta 2749 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Johor

No.	Lokasi	Pintu masuk
11.	Kuantan	(a) Dermaga Kerajaan (b) Dermaga Pahang Consolidated Co. Ltd.
12.	Tanjung Gelang, Kuantan	Dermaga Lembaga Pelabuhan Kuantan di dalam Basin Pertama (Basin A)
13.	Chukai, Kemaman	Jeti Kerajaan
14.	Pelabuhan Kemaman	(a) Dermaga Lembaga Pelabuhan Kemaman yang terletak di atas tanah tebus guna di Lot PT 3180; (b) kawasan yang dikenali sebagai Dermaga Barat yang terletak di Lot PT 3410, Mukim Teluk Kalong di dalam Daerah Kemaman yang dikendalikan oleh PTB West Wharf Sdn. Bhd.
15.	Butterworth	(a) tambangan yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang; (b) kelima-lima tempat tambatan kapal di dermaga Butterworth; (c) Pengkalan Kontena Butterworth Utara yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.
16.	Butterworth	Terminal feri yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang
17.	Dermaga Ayer Dalam, Seksyen 4, Bandar Butterworth, Daerah Utara, Seberang Perai (Zon Bebas)	Semua tanah yang terletak di seksyen 4, Bandar Butterworth, Daerah Utara, Seberang Perai yang dilingkungi dengan garisan kelabu yang ditunjukkan dalam Pelan Warta 573 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang, tidak termasuk kawasan tanah yang diduduki oleh Penang Port Sdn. Bhd. yang terdiri daripada— (i) Gudang W2; (ii) Blok Eksport (Blok A-D: Slot No. 1-45) (Blok E-H: Slot No. 1-23); (iii) Bay Pemeriksaan Kastam untuk kontena (di antara Blok D dengan landasan keretapi).

No.	Lokasi	Pintu masuk
18.	Prai	(a) bahagian tebing sebelah selatan Sungai Prai mulai dari Jeti Penumpang Kereta Api menghala ke barat hingga ke laut, termasuk pengkalan pendaratan dan dermaga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan juga pantai pasang surut tebus guna dan berakhir pada jarak 237.8 meter ke arah selatan dari hujung sebelah selatan limbungan tongkang; (b) Terminal Kargo Pukal yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang terletak di Garisan lintang 5° 22' Utara Garisan bujur 100° 22' Timur.
19.	Prai (Depot Pelepasan Pendalaman)	(a) Depo Pelepasan Pendalaman Kontena Nasional No. 2443, Lorong Perusahaan Satu, Kawasan Perusahaan Prai; (b) North Terminal Sdn. Bhd. 4935, Dermaga Prai.
20.	Bukit Kayu Hitam	(a) Pejabat Kastam dan semua bangunan dan binaan tambahan yang terletak di dalam Kompleks Imigresen Bukit Kayu Hitam yang terletak di sepanjang jalan raya utama Sadao/Changlun di antara 8.9 kilometer ke utara Changlun dan 0.69 kilometer ke selatan Danork (Thailand) Tempat Pemeriksaan Imigresen atau Kastam di dalam Mukim Laka Temin, Kubang Pasu, Kedah; (b) Pejabat Kastam dan semua bangunan dan binaan tambahan yang terletak di dalam Kompleks Pemeriksaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang terletak di sepanjang jalan raya utama Sadao/Changlun di antara 9.1 kilometer ke utara Changlun dan 0.67 kilometer ke selatan Danork (Thailand) Tempat Pemeriksaan Imigresen atau Kastam sebagaimana yang ditetapkan dalam pelan No. PT 890 dan PT 2180 di dalam Mukim Laka Temin, Kubang Pasu, Kedah.
21.	Pekan Bukit Kayu Hitam dan Mukim Sungai Laka, Daerah Kubang Pasu, Kedah (Zon Bebas)	Semua tanah yang terletak dalam pekan Bukit Kayu Hitam Dan Mukim Sungai Laka, Daerah Kubang Pasu yang dilingkungi dengan garisan kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan Warta 1385 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Kedah

No.	Lokasi	Pintu masuk
22.	Rantau Panjang	(a) di Pusat Pemeriksaan Imigresen di Jambatan Keretapi yang merentangi Sungai Golok; (b) jalan kereta api di Rantau Panjang bermula dari hujung jambatan keretapi di sebelah Malaysia di tebing kanan Sungai Golok dan menganjur ke selatan lebih kurang 155.4 meter ke get lintasan rata termasuk platform stesen kereta api yang memanjang selari dengan jalan kereta api itu; (c) kawasan dalam Lot 251 di Pekan Rantau Panjang, Daerah Pasir Mas, Kelantan yang mengandungi pondok dan Kompleks Tempat Pemeriksaan Imigresen yang terkepung di sebelah utara dengan get dan pagar di hujung jambatan jalan di sebelah Malaysia yang menyambung kedua-dua get itu dan ke timur, kompleks bangunan dan garisan rekaian lurus bermula dari hujung bangunan kompleks itu di sebelah utara hingga ia bertemu dengan get utara termasuk jalan yang menyambungkan kawasan tempat pemeriksaan ke platform stesen kereta api bersebelahan dengan Pejabat Kastam.
23.	Johor Bahru	(a) bagi import dengan motokar, bas, motosikal, skuter, basikal dan penumpang berjalan kaki, Get Pemeriksaan penumpang iaitu kawasan yang diuntukkan bagi Pemeriksaan Imigresen dan Kastam; (b) bagi import dengan lain-lain kereta lalu lintas, Ruang Import Kastam di Kompleks Kastam di Tanjung Putri yang terkepung dalam pagar dari selatan dengan get masuk berhampiran sekali dengan Pondok Kastam No. 1 dari arah Singapura dan berakhir di pintu keluar berhampiran sekali dengan Kastam No. 3 sebagai sempadan sebelah utara; (c) bagi eksport mengikut jalan dalam waktu kerja biasa, Ruang Eksport Kastam di Kompleks Kastam Tanjung Putri yang terkepung dalam pagar bermula dari utara dengan get masuk berhampiran sekali dengan Pondok Kastam No. 3 dan berakhir di get keluar di sebelah selatan berhampiran sekali dengan tempat pemeriksaan di Pintu Keluar Eksport Kastam di Pondok No. 2;

No.	Lokasi	Pintu masuk
		(d) bagi eksport mengikut jalan di luar waktu kerja biasa, Ruang Eksport Kastam di Kompleks Kastam di Tanjung Putri sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (c), atau atas arahan Pegawai Kastam Yang Hak; (e) Pejabat Kastam dan semua bangunan dan binaan tambahan yang terletak di dalam Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin Bukit Chagar, Mukim Johor Bahru, Daerah Johor Bahru, Johor yang dilingkungi pagar sekelilingnya, bermula dari selatan di pintu masuk/keluar get berhadapan dengan Jalan Lingkaran Dalam.
24.	Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru (Zon Bebas)	Semua tanah yang terletak dalam Mukim Plentong, dalam Daerah Johor Bharu, yang dilingkungi dengan garisan tersebut yang ditunjukkan dalam Pelan Warta 2233 dan 2234 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur Johor, tidak termasuk Kawasan Pemeriksaan Kastam, seluas 0.459 hektar di Terminal Kontena di Lot 66208
25.	Tanjung Kupang, Johor Bahru	Kompleks Sultan Abu Bakar, Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru yang dilingkungi oleh pagar kawasan, bermula dari selatan dengan pintu masuk/keluar yang terletak seiring dengan pagar kawasan yang paling hampir dengan Kawasan Menunggu Import dari arah Singapura dan berakhir di pintu keluar/masuk yang terletak seiring dengan pagar kawasan yang paling hampir dengan Kawasan Menunggu Eksport
26.	Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Bayan Lepas (Pulau Pinang)	
27.	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang (Selangor)	
28.	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang, Selangor (Zon Bebas)	Semua tanah yang terletak dalam Kawasan Bandar Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang, Daerah Sepang yang dilingkungi dengan garisan kelabu seperti yang ditunjukkan dalam Pelan Warta 1207 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Selangor

BAHAGIAN VI

STESEN KUARANTIN DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN DAN
PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT [AKTA 342]

No.	Negeri	Pusat kuarantin
1.	Kedah	Pusat Kuarantin Pintu Masuk Bukit Kayu Hitam, Bukit Kayu Hitam, Kedah
2.	Pulau Pinang	Pusat Kuarantin Kesihatan, Pintu Masuk Antarabangsa, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Bayan Lepas, Pulau Pinang
3.	Selangor	Pusat Kuarantin Kesihatan, Pintu Masuk, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, Selangor
		Pusat Kuarantin Kesihatan, Pintu Masuk Antarabangsa, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2), Sepang, Selangor
4.	Sabah	Pejabat Kesihatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Kota Kinabalu, Sabah

JADUAL KEDUA

[Seksyen 2]

UNDANG-UNDANG BERTULIS YANG BERKAITAN

No.	Undang-Undang bertulis	Perihal
1.	Akta Pasport 1966 [<i>Akta 150</i>]	Keseluruhan Akta
2.	Akta Imigresen 1959/63 [<i>Akta 155</i>]	Keseluruhan Akta kecuali seksyen 9, 9A dan Bahagian V
3.	Akta Kastam 1967 [<i>Akta 235</i>]	Keseluruhan Akta kecuali Bahagian IIA, III, IV, V, VI, VII, VIIIA, IX, X, XA dan XIVa
4.	Akta Eksais 1976 [<i>Akta 176</i>]	Bahagian IX dan X
5.	Akta Zon Bebas 1990 [<i>Akta 438</i>]	Seksyen 8B, Bahagian IV dan V
6.	Akta Cukai Jualan 2018 [<i>Akta 806</i>]	Bahagian X, XI dan XII

No.	Undang-Undang bertulis	Perihal
7.	Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]	Keseluruhan Akta
8.	Akta Binatang 1953 [Akta 647]	Bahagian II, VII dan VIII
9.	Akta Perikanan 1985 [Akta 317]	Seksyen 40
10.	Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 [Akta 141]	Subseksyen 3(2A) dan (2B) dan Bahagian III
11.	Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 [Akta 49]	Subseksyen 4(2A) dan seksyen 11A
12.	Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]	Seksyen 6, 48, 55, 58, 59, 60, 62, 63, 64, 65, 66, 66H, 66I, 66J, 66K, 67, 74, 75, 76, 88A, 88B, 88C, 88D, 88F dan Bahagian II dan V
13.	Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715]	Bahagian VA
14.	Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334]	Seksyen 19 dan Bahagian IVB
15.	Akta Makanan 1983 [Akta 281]	Keseluruhan Akta
16.	Akta Racun 1952 [Akta 366]	Seksyen 8, 9, 10, 29, 30, 31, 31A, 31B, 31C, 31D, 31E, 31F, 32, 32A, 33, 34, 34B dan 34C
17.	Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]	Keseluruhan Akta
18.	Akta Jualan Dadah 1952 [Akta 368]	Seksyen 4, 5, 7 dan 27
19.	Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234]	Keseluruhan Akta
20.	Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]	Seksyen 9, 11, 25A, 29, 45, 60, 61, 62, 65, 68, 69, 70, 71, 83 dan 86, dan perenggan 17(1)(c)

No.	Undang-Undang bertulis	Perihal
21.	Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [<i>Akta 686</i>]	Seksyen 10, 11, 12, 13 dan 15, dan Bahagian V dan VI
22.	Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [<i>Akta 670</i>]	Keseluruhan Akta
23.	Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [<i>Akta 301</i>]	Keseluruhan Akta
24.	Akta Senjata 1960 [<i>Akta 206</i>]	Seksyen 16 dan 53, dan Bahagian III dan IV
25.	Akta Kawalan Bekalan 1961 [<i>Akta 122</i>]	Seksyen 10
26.	Akta Hak Cipta 1987 [<i>Akta 332</i>]	Seksyen 39
27.	Akta Cap Dagangan 2019 [<i>Akta 815</i>]	Bahagian XIII
28.	Akta Perdagangan Strategik 2010 [<i>Akta 708</i>]	Bahagian V
29.	Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005 [<i>Akta 641</i>]	Seksyen 30, 35, 37, 43, 44, 45, 46, 53, 55 dan 56
30.	Akta Warisan Kebangsaan 2005 [<i>Akta 645</i>]	Seksyen 83
31.	Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 [<i>Akta 551</i>]	Seksyen 37 dan Bahagian VII
32.	Akta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2009 [<i>Akta 692</i>]	Seksyen 27 dan Bahagian VII
33.	Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1998 [<i>Akta 343</i>]	Seksyen 22 dan Bahagian VA
34.	Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [<i>Akta 582</i>]	Seksyen 35 dan Bahagian VI
35.	Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [<i>Akta 105</i>]	Seksyen 20 dan Bahagian IVA
36.	Akta Lembaga Lada Malaysia 2006 [<i>Akta 656</i>]	Bahagian VI

HURAIAN

Rang Undang-Undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia, fungsi dan kuasanya yang berhubungan dengan kawalan dan perlindungan sempadan, dan mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan memperkatakan perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif bagi perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

5. Bahagian II Akta yang dicadangkan memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia dan pelantikan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan pegawai Agensi.
6. *Fasal 3* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia dan untuk memperuntukkan bahawa Agensi hendaklah digunakan khidmatnya di kawasan yang ditetapkan.
7. *Fasal 4* bertujuan untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa untuk melantik Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah bertanggungjawab bagi arahan, perintah, kawalan dan pengawasan segala perkara yang berhubungan dengan Agensi.
8. *Fasal 5* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan pegawai Agensi oleh Menteri.

BAHAGIAN III

9. Bahagian III Akta yang dicadangkan memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan fungsi dan kuasa Agensi.
10. *Fasal 6* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi Agensi untuk menguatkuasakan undang-undang bertulis yang berkaitan di kawasan yang ditetapkan yang berhubungan dengan pemeriksaan dan kawalan orang yang memasuki atau meninggalkan Malaysia, pemeriksaan dan kawalan barang-barang yang dibawa ke dalam atau keluar dari kawasan yang ditetapkan, pemeriksaan,

kawalan dan kuarantin mana-mana tumbuh-tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, kenderaan, makanan dan benda yang bersampingan dengan makanan, dadah, racun, kosmetik dan benda lain yang berkaitan dengan kesihatan, hidupan liar, bahagian hidupan liar atau terbitan hidupan liar, yang dibawa ke dalam atau keluar dari Malaysia, pencegahan dan penyiantasan mana-mana kesalahan dan pengeluaran apa-apa pas, permit atau apa-apa dokumen lain, dan untuk melaksanakan pengawasaan dan rondaan di kawasan yang ditetapkan, untuk mengumpul maklumat dan risikan bagi maksud kawalan dan perlindungan sempadan dan untuk mengurus dan mentadbir mana-mana kompleks pintu masuk.

11. *Fasal 7* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pegawai Agensi mempunyai segala kuasa yang pihak berkuasa berwajib boleh jalankan di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan dan boleh melakukan segala perkara yang semunasabahnya perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah *fasal 6*.

12. *Fasal 8* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa segala pertindihan fungsi antara Agensi dengan pihak berkuasa berwajib di kawasan yang ditetapkan hendaklah diuruskan dan diselesaikan secara pentadbiran.

13. *Fasal 9* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa jika suatu kesalahan telah dilakukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis Negeri Sabah atau Sarawak di kawasan yang ditetapkan, penguatkuasaan, penyiantasan dan pendakwaan kesalahan itu hendaklah dilaksanakan oleh pihak berkuasa berwajib Negeri Sabah atau Sarawak.

14. *Fasal 10* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pegawai Agensi boleh menjalankan kuasa untuk mencegah atau menyiasat perlakuan suatu kesalahan di luar kawasan yang ditetapkan jika dia dengan munasabahnya percaya bahawa tindakan itu perlu untuk mencegah perlakuan suatu kesalahan atau untuk melengkapkan penyiantasan kesalahan itu.

15. *Fasal 11* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa tambahan pegawai Agensi. Pegawai Agensi hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang berpangkat Koperal dan lebih rendah dan kuasa seorang pegawai penjara yang berpangkat Sarjan dan lebih rendah di bawah Akta Penjara 1995 apabila mengiringi dan mengawal mana-mana orang dalam jagaan. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memberikan kuasa seorang pegawai penjaga balai polis kepada pegawai Agensi, dan bagi maksud itu pejabat pegawai Agensi itu hendaklah disifatkan sebagai suatu balai polis.

16. *Fasal 12* bertujuan untuk membolehkan Agensi untuk mendapatkan bantuan daripada mana-mana orang atau pihak berkuasa berwajib bagi apa-apa perkara yang diuruskan oleh Agensi. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa Agensi dan pihak berkuasa berwajib hendaklah membuat peyelarasan, berunding dan berhubung secara rapat antara satu sama lain bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

BAHAGIAN IV

17. Bahagian IV Akta yang dicadangkan memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan perkara am.

18. *Fasal 13* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pendakwaan bagi kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan boleh dimulakan dengan keizinan Pendakwa Raya.

19. *Fasal 14* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi melindungi Kerajaan daripada apa-apa liabiliti yang berhubungan dengan apa-apa kos atau apa-apa kerosakan akibat daripada penjalanan tugas oleh pegawai Agensi. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Kerajaan boleh mendapatkan kos pengurusan barang-barang yang dirampas daripada orang yang disabitkan.

20. *Fasal 15* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa apa-apa wang yang dikutip atau diterima oleh mana-mana pegawai Agensi bagi pihak pihak berkuasa berwajib dalam melaksanakan fungsi dan kuasa di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan, wang itu hendaklah diuruskan mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan, arahan dan kehendak pihak berkuasa berwajib itu.

21. *Fasal 16* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pegawai Agensi daripada liabiliti dalam melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Akta yang dicadangkan.

22. *Fasal 17* bertujuan untuk melarang mana-mana pegawai Agensi daripada menzahirkan apa-apa maklumat yang diperoleh olehnya semasa menjalankan kewajibannya melainkan jika penzahiran itu bagi maksud prosiding undang-undang di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau penzahiran itu dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

23. *Fasal 18* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Agensi, pegawai Agensi atau pegawai pihak berkuasa berwajib berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat sedemikian.

24. *Fasal 19* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tiap-tiap pegawai Agensi hendaklah dikeluarkan kepadanya suatu kad kuasa.

25. *Fasal 20* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pegawai Agensi hendaklah dibekalkan dengan pakaian seragam dan kelengkapan yang ditentukan oleh Ketua Pengarah melalui Perintah Tetap di bawah *fasal 23*. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa tiap-tiap pegawai Agensi hendaklah memakai pakaian seragam dan kelengkapan semasa bertugas melainkan jika dikecualikan oleh Ketua Pengarah.

26. *Fasal 21* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa semasa menjalankan kewajibannya di bawah Akta ini, pegawai Agensi boleh membawa senjata, tertakluk pada apa-apa sekatan dan kehendak yang diperuntukkan di bawah Akta Senjata 1960 [*Akta 206*].

27. *Fasal 22* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan dan hukuman yang berhubung dengan apa-apa amang, galangan, gangguan, dsb., terhadap mana-mana pegawai Agensi.

28. *Fasal 23* bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk mengeluarkan perintah pentadbiran yang disebut Perintah Tetap, yang selaras dengan peruntukan Akta yang dicadangkan, mengenai kawalan am, latihan, tugas dan tanggungjawab pegawai Agensi dan bagi apa-apa perkara lain yang perlu atau suai manfaat untuk pentadbiran baik Agensi atau bagi mencegah penyalahgunaan kuasa atau pengabaian tugas, dan pada amnya untuk memastikan Agensi berfungsi dengan cekap dan berkesan.

29. *Fasal 24* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa, selepas berunding dengan Menteri yang bertanggungjawab bagi sesuatu undang-undang bertulis, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, untuk meminda Jadual Pertama dan Jadual Kedua.

30. *Fasal 25* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3350]